

Pengurus syarikat dibenar bebas dengan ikat jamin SPRM

SIBU: Seorang pengurus syarikat yang direman dua hari sebelum ini bagi membantu siasatan kes mengemukakan butiran palsu membabitkan kerja-kerja perkhidmatan dan pembaikan bangunan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Julau, dibenarkan bebas dengan ikat jamin Suruhanjaya Pencegah

Rasuah Malaysia (SPRM), semalam.

Majistret Flavian Edward Henry membenarkan suspek dibebaskan setelah mendengar permohonan daripada pegawai SPRM, yang permohonan agar suspek dibebaskan dengan ikat jamin SPRM.

Pengurus terbabit yang diwakili peguam Orlando

Chua antara tiga individu yang ditahan SPRM kerana disyaki mengemukakan dan menggunakan invois yang mengandungi butiran palsu membabitkan kerja-kerja perkhidmatan dan pembaikan bangunan di IPD Julau membabitkan jumlah RM19,980.

Bagaimanapun kerja-kerja

tersebut tidak dilakukan dan pengurus syarikat terbabit telah bersubahat dengan dua pegawai polis yang bertugas di IPD Julau pada 2019, di mana seorang anggota terbabit berpangkat Deputy Superintenden (DSP) dan seorang lagi Inspektor.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.